

24/11/1998

Memperkukuh kawalan kewangan anggota Apec

Kadir Dikoh

SIDANG Kemuncak Apec berjaya disempurnakan dengan baik meskipun dicatatkan oleh beberapa kenyataan tidak rasmi berkisar kepada campur tangan politik dalam sesebuah negara anggota terutama berikutan kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore.

Apa yang penting, kebanyakan isu utama yang dipersetujui pada sidang itu dibuat berdasarkan permuafakatan semua 21 negara anggota dengan mengambil kira kepentingan ekonomi individu dan sejagat. Tidak ada pihak seharusnya berasa tidak berpuas hati kerana apa yang dimuatkan dalam Deklarasi Kuala Lumpur itu adalah untuk kepentingan semua.

Mungkin sesetengah pihak menganggap Sidang Apec itu gagal memasukkan soal kawal selia mata wang yang dilaungkan Malaysia selama ini dan disifatkan sebagai penyebab utama melemahkan ekonomi serantau berikutan serangan spekulatif serta kegiatan dana lindung nilai yang tidak terkawal.

Memang benar deklarasi itu tidak menyebut secara khusus soal kawal selia perdagangan mata wang tetapi hakikatnya, Apec mahukan krisis mata wang itu dibincangkan pada badan lebih besar seperti Kumpulan G22 yang merangkumi tujuh negara maju dan 15 negara membangun. Mereka sebenarnya sepakat dengan isu itu kerana tidak mahu apa saja keputusan Apec harus diikuti oleh negara lain yang bukan Apec. Malah keanggotaan dalam Apec itu sendiri belum meluas.

Jika dihalusi, sasaran Apec bagi menangani masalah berkaitan adalah kepada institusi itu sendiri seperti institusi kewangan swasta yang terbabit dalam aliran modal antarabangsa termasuk bank pelaburan dan dana lindung nilai. Betapa seriusnya Apec untuk menangani krisis kewangan digambarkan pada perenggan ke-25 di bawah tajuk kecil Memperkukuhkan Sistem Kewangan Individu dan Global dalam deklarasi itu yang antara lain berbunyi:

"Kami mengenal pasti pembangunan dan pengukuhan sistem kewangan adalah asas untuk mencapai matlamat Apec bagi dagangan bebas dan terbuka serta pelaburan menjelang 2010/2020. Kami mengalu-alukan kerja yang diambil oleh beberapa forum untuk memperkukuhkan institusi kewangan dan untuk meningkatkan ketelusan dan pertanggungjawaban; untuk memperkukuh prasarana sistem kewangan dan pasaran; meningkatkan kerjasama dan pembabitan sektor swasta.

"Kami memberikan kesegeraan untuk menyemak skop memperkukuh peraturan berhema institusi kewangan ekonomi bagi meningkatkan aliran modal mapan dan selamat, untuk menggalakkan analisis dan kajian risiko; untuk mengkaji ketelusan dan standard bagi institusi kewangan swasta yang terbabit dalam aliran modal antarabangsa, seperti bank pelaburan, dana lindung nilai, dan untuk menyemak implikasi kerjasama institusi pesisir.

"Kami mahukan penubuhan awal petugas khas untuk membangunkan cadangan praktikal. Ketidakstabilan kewangan di Asia menggariskan pentingnya pembangunan kukuh, kekuatan dan kawal selia pasaran kewangan domestik. Kami meminta penggunaannya oleh ekonomi, prinsip yang dikenali antarabangsa bagi pengawalan sistem perbankan dan pasaran sekuriti.

"Sehubungan itu, kami mengalu-alukan tugas menteri kewangan dan gabenor bank pusat untuk mencari jalan dan untuk memperkukuhkan rejim pengawalan kewangan anggota ekonomi. Kami juga mengarahkan menteri kewangan untuk mencari jalan pemulihan aliran modal ke rantau ini."

Melalui komitmen itu, jelas pemimpin Apec mahu menangani soal krisis kewangan menjurus kepada institusi yang menjadi punca kerana akses

institusi terbabit seperti dana lindung nilai kepada jumlah dana yang besar, berupaya untuk memanipulasikan mata wang.

Bercakap kepada media selepas sidang itu berakhir, Pengerusi mesyuarat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dari awal lagi Malaysia sudah menyatakan bahawa kegiatan institusi terbabit perlu dikawal selia dengan sempurna.

"Adalah jelas sekarang pemimpin Apec mempunyai pandangan yang sama. Semua orang mengakui ia amat perlu disegerakan. Perbincangan mengenai krisis mata wang mengambil banyak masa sewaktu sesi pagi (Sidang Kemuncak Apec) dan setiap orang menyatakan ia perlu disegerakan. Oleh itu, G22 adalah forum yang lebih sesuai bagi membincangkan krisis kewangan dengan lebih mendalam kerana ia diwakili secara menyeluruh.

"Itu sebabnya kita berpendapat G22 boleh memenuhi tujuan ini. Oleh itu, mulai sekarang kita akan terpaksa bercakap kepada G22 bagi mencapai kemajuan ini," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar petang Rabu lalu.

Satu lagi kejayaan Malaysia mempengaruhi pemimpin Apec ialah mengenai agensi penarafan antarabangsa. Dalam deklarasinya itu, pemimpin Apec menggesa amalan agensi penarafan antarabangsa dikaji semula bagi menjamin keberkesannya dan menentukan ia menyumbang kepada aliran modal yang mampan. Mereka melahirkan kebimbangan terhadap prestasi agensi penarafan kredit antarabangsa kebelakangan ini.

Ini bermakna kritikan berterusan Malaysia terhadap ketidakadilan penarafan oleh agensi penarafan kredit antarabangsa itu mula menerima sokongan antarabangsa. Malaysia seringkali menekankan mengenai kepentingan untuk mengkaji fungsi agensi itu terutama sejak negara dilanda oleh kegawatan ekonomi bermula Julai tahun lalu.

Baru-baru, Dr Mahathir menggesa agensi penarafan untuk kembali semula kepada fungsi asal mereka iaitu membuat penarafan hanya apabila diminta. Ini adalah kerana dalam beberapa kes mereka muncul dengan penarafan yang tidak diminta. Seringkali penarafan itu adalah rendah dan menyebabkan negara tidak berupaya mendapatkan pembiayaan pada kadar faedah berpatutan.

Pada Julai, rancangan Malaysia untuk mengumpulkan dana di luar negara bagi membiayai pemulihan perniagaan menerusi penerbitan bon terhalang apabila Moody's Investors Service dan Standard & Poor menurunkan gred penarafan bon kedaulatan negara. Agensi terbabit muncul dengan penarafannya tanpa sesiapa pun yang meminta ia berbuat demikian.

"Mereka melakukan penarafan sesuka hati mereka. Apabila mereka menyedari mereka mempunyai pengaruh besar terhadap apa yang ditaraf, mereka menjadi angkuh kerana menganggap mereka boleh memutuskan nasib sesebuah syarikat, bank atau negara," kata Dr Mahathir.

Selain memberi tumpuan kepada krisis ekonomi, pemimpin Apec juga menekankan komitmen negara anggota terhadap usaha membuka pasaran yang sesuai untuk pelaburan. Mereka mengakui bahawa perkembangan menggalakkan seperti kadar tukaran mata wang yang stabil dan peningkatan kadar inflasi yang dapat dibendung, sudah mula muncul.

Selain itu Apec juga mahu melihat program menyeluruh untuk menyokong usaha bagi mengukuhkan sistem kewangan, mengembalikan pembiayaan perdagangan dan mempercepatkan penstruktur semula sektor korporat.

Mengenai Program Liberalisasi Awal Sektor Secara Sukarela (EVSL), pemimpin Apec mengalu-alukan kemajuan dicapai mengenainya dalam sembilan sektor dan mengarahkan peringkat menteri negara anggota untuk melaksanakan persetujuan dicapai terhadap sektor itu dan mempertingkatkan usaha terhadap baki enam sektor lain yang menunjukkan komitmen kepada proses liberalisasi di sebalik krisis kewangan yang melanda rantau ini sekarang.

Isu EVSL ini memang hangat dibincangkan bermula pada mesyuarat peringkat pegawai kanan (SOM) sehingga mesyuarat peringkat menteri Apec ke-10 memutuskan untuk mengerak pakej di bawah EVSL itu kepada Pertubuhan

Perdagangan Sedunia (WTO). EVSL adalah kemudahan mengurangkan tarif meliputi 15 sektor yang mana sembilan dikenal pasti akan dilaksanakan mulai 1999.

Sebenarnya, banyak anggota Apec berdepan dengan masalah mereka sendiri dalam meliberalisasikan perdagangan di bawah EVSL dan negara-negara itu mempunyai tempoh setahun untuk memikirkan mengenai pembukaan pasaran mereka di bawah skop WTO. Dengan membawa keseluruhan pakej dengan segera kepada WTO juga akan memperluaskan lagi penyertaan.

"Apa juga yang belum selesai, kami akan berunding di WTO supaya ia tidak akan menghalang usaha kami membukakan pasaran dalam Apec kerana tawaran yang kami buat adalah berdasarkan keupayaan kami," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang mempengerusikan mesyuarat selama dua hari itu sebelum Sidang Kemuncak.

Tujuh sektor yang dimaksudkan dan diletakkan di bawah pengurangan tarif cepat ialah barangan dan perkhidmatan alam sekitar, barang permainan kanak-kanak, telekomunikasi dan perjanjian saling mengiktiraf (MRA), batu permata dan barang kemas, kelengkapan dan instrumen perubatan, tenaga serta kimia. Semua 16 anggota bersetuju memperbaiki kemajuan meliberalisasi perdagangan dalam tujuh sektor itu pada 1999. Dua lagi anggota iaitu Chile dan Mexico memang daripada awal lagi enggan menyertai pakej itu manakala Jepun berpendirian untuk tidak mahu memotong tarif dalam dua sektor iaitu perikanan dan perhutanan dengan alasan sensitiviti politik domestiknya. Tiga anggota baru Apec, Peru, Russia dan Vietnam akan menyertai pakej itu kemudian.

Seperti kata Rafidah, hakikatnya ia dimulakan dan diterima adalah di luar jangkaan mereka dalam Apec itu sendiri. Berikutan itu, mesyuarat peringkat menteri Apec melakukannya dengan meluaskan penyertaan dalam elemen tarif melepasi Apec dan memaksimumkan faedah liberalisasi dengan memulakan segera inisiatif WTO. Mereka bersetuju untuk mengkaji semula kemajuan itu pada mesyuarat peringkat menteri perdagangan di New Zealand pada Jun tahun depan.

EVSL yang bermatlamat melonggarkan syarat perdagangan dengan mengurangkan atau memotong tarif, sejak tahun lalu kini menjadi mekanisme Apec paling penting ke arah pembentukan pasaran serantau bebas yang realistik. Pada mesyuarat di Vancouver, Kanada tahun lalu, pemimpin Apec bersetuju merangka tempoh untuk pemotongan tarif dan membuka pasaran bernilai AS\$1.5 trilion dalam sembilan sektor, untuk pelaksanaan bermula 1999.

Namun, Jepun tetap berpuas hati dengan hasil mesyuarat itu yang bersetuju negara anggota boleh melaksanakan EVSL secara sukarela. Berikutan keputusan mesyuarat itu, Tokyo akan membawa ke hadapan isu pemotongan tarif dalam sektor perikanan dan produk perhutanan kepada perbincangan WTO tahun depan.

Jepun menerima kecaman hebat terutama dari Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand kerana enggan memotong tarif dalam dua sektor terbabit yang dianggapnya sebagai sensitiviti politik domestik Jepun. Selain itu, mesyuarat peringkat menteri turut mengambil perhatian usaha mempromosikan pembangunan dan kemajuan pasaran modal dan kewangan Apec yang dikendalikan menteri kewangan Apec sebelum ini.

Mesyuarat peringkat menteri itu juga memperaku serta meluluskan Pelan Tindakan Individu (IAP) yang jelas menunjukkan bahawa ia berada pada landasan yang betul dan mereka mula sedar bahawa IAP misalnya adalah satu petunjuk kuat terhadap komitmen ahli untuk memberi fokus mempermudah perdagangan selain liberalisasi yang kita boleh buat.

Ini bagi menjadikan kerja perdagangan dan pelaburan bergerak untuk pemulihan ekonomi mereka dan bagi pertumbuhan ekonomi jangka panjang. IAP adalah langkah sehalu diambil oleh setiap anggota dalam kedua-dua sektor perdagangan dan pelaburan serta mempermudahkannya tetapi mereka berbuat

demikian atas dasar sukarela.

Di bawah IAP itu, antara lain berkisar kepada tarif seperti memansuhkannya, memotong atau mengurangi, menukar kepada bukan tarif, mempermudahnya serta memperbaiki prosedur kastam.

Sidang Kemuncak Apec kali ini mencatat satu sejarah tersendiri bukan saja daripada penyertaan hampir semua pemimpin Apec bahkan menerima kemasukan tiga ahli baru iaitu Peru, Russia dan Vietnam meskipun terpaksa bersidang dalam keadaan ekonomi yang menjejaskan lebih separuh daripada negara terbabit.

(END)